

☒ Sinar Harian
☐ Sinar Anad
Tarikh: 27/6/2012
Mest: Rabu M/S: 111
Ruangan: PENDANG

Ibu kecewa bantuan bulanan anak dihentikan

PADANG PUSING - Seorang penduduk di Perumahan Asam Jawa dekat sini kecewa apabila bantuan bulanan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang diterima anaknya sebelum ini sudah dihentikan.

Nur Qhalida Shamsuddin, 21, menghidap penyakit buah pinggang tahap kronik dan menyambung pelajaran di Universiti Utara Malaysia (UUM) Sintok dalam bidang Pengurusan Pembangunan.

Difahamkan, Nur Qhalida menghidap penyakit terbabit ketika berusia 14 tahun namun penyakit itu semakin kronik kira-kira dua tahun lalu sehingga menerima bantuan am daripada JKMI sebanyak RM150 sebulan.

Ibunya, Rothiah Ayob, 44, berkata, dia ke-

cewa kerana bantuan yang diterima anaknya sebelum ini dipotong sejak dua bulan lalu.

Menurutnya, keadaan penyakit anaknya itu begitu kronik dan memerlukan bantuan untuk menampung kos perjalanan menerima rawatan dialisis setiap tiga kali seminggu.

"Anak menjalani dialisis buah pinggang di Pusat Dialisis Alukhary dan Hospital Sultanah Bahiyah Alor Setar secara percuma.


"Saya juga sering berulang-alik ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk membuat pemeriksaan kerana keadaan anak semakin kronik dan memerlukan pembedahan dengan segera," katanya kepada *Sinar Harian*.

Rothiah berkata, dia merayu supaya pihak terbabit dapat mempertimbangkan semula

masalah ini memandangkan pendapatan suami sebagai buruh kasar tidak mencukupi dan terpaksa menanggung lima anak yang masih belajar.

Dalam pada itu, Rothiah turut memaklumkan bahawa dia sering berulang-alik ke HKL untuk menjalankan pemeriksaan buah pinggangnya kerana akan menyertakan buah pinggangnya kepada anaknya kerana buah pinggangnya kepada anaknya kerana tidak sanggup melihat penderitaan yang ditanggung anak.

"Saya merayu supaya pihak JKMI dapat memberi perhatian serius berkaitan masalah yang dihadapi kami kelak dan tolong sambung semula bantuan itu demi rawatan kesihatan anak saya," katanya.



Rothiah menunjukkan surat pengesahan bantuan JKMI bersama surat rawatan anaknya.